

Pascamodernisme dan Eksistensialisme dalam Buku Indie: Kajian Terhadap Catatan Mahasiswa

Post-Modernism and Existentialism in Indie Books: A Study of Undergraduates' Notes

Muhammad Atiullah bin Othman^{1*}, Abdul Hadi bin Abdul Halim² & Siti Noranizahhafizah binti Boyman³

^{1,2,3} Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA
*Email: atiullah@fsk.upsi.edu.my

Published: 26 September 2022

To cite this article (APA): Othman, M. A., Abdul Halim, A. H., & Boyman, S. N. (2022). Post-Modernism and Existentialism in Indie Books: A Study of Undergraduates' Notes: Pascamodernisme dan Eksistensialisme dalam Buku Indie: Kajian Terhadap Catatan Mahasiswa. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 14(2), 1–13. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.1.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.2.1.2022>

Abstrak

Buku Indie dihasilkan oleh golongan penulis yang percaya akan “kebebasan mutlak dalam berkarya”. Di Malaysia, karya Indie tidak menggunakan bahasa persuratan standard, mengandungi pemikiran songsang dan sering terbabas daripada landasan ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah, dikecam dan dianggap sebagai karya yang menentang arus perdana. Namun, Buku Indie telah mendapat sambutan hangat daripada generasi muda dan menyasarkan mahasiswa sebagai pembaca utamanya. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti kefahaman dan reaksi mahasiswa terhadap kandungan yang terdapat dalam Buku Indie dan meneroka falsafah pemikiran di sebalik penulisan buku ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan teknik analisis dokumen dan *Grounded Theory*. Dapatan kajian ini menunjukkan Buku Indie diselitkan ciri-ciri negatif yang mengandungi unsur lucu, ganas dan ideologi yang menyimpang dari dasar pemerintahan negara. Malah, karya Indie merupakan fenomena yang terhasil daripada falsafah pemikiran pascamodernisme dan Eksistensialisme yang mendukung kebebasan mutlak dalam berkarya. Ciri-ciri Pascamodernisme dalam Buku Indie adalah melawan arus perdana, bersifat kiri dan kekinian. Manakala ciri-ciri Eksistensialisme dalam Buku Indie pula adalah menimbulkan rasa penting terhadap diri, tidak peduli masyarakat dan menonjolkan kebebasan. Kajian ini mempunyai implikasi kepada golongan berwajib, autoriti, para guru dan ibu bapa yang prihatin dengan bahan bacaan dan akhlak anak-anak. Oleh itu, karya sebegini perlu diawasi dan dihindari demi kesejahteraan mental dan sosial masyarakat.

Kata kunci: Buku Indie, Falsafah Penulisan, Pascamodernisme, Eksistensialisme, pandangan mahasiswa

Abstract

Indie books are produced by writers who believe in “absolute freedom in creating something by writing”. In Malaysia, Indie works do not use standard literary language, contain perverse thinking and often deviate from the teachings of Ahlu Sunnah wal Jamaah, which criticized and considered Indie's as works that go against the mainstream of Islam. However, Indie books had received warm responses from the younger generation, targeting undergraduates as its primary readers. Therefore, the objective of this study is to identify undergraduates' understanding and reactions upon the contents contained in the Indie books and

explore the philosophy of thought behind the writing of this book. This study uses a qualitative approach by using document analysis and grounded theory techniques. The findings of this study show that Indie books are infused with negative features that contain elements of pornography, violence and ideology that deviate from the policies of the state government. In fact, Indie's work is a phenomenon that resulted from the philosophy of post-modernism and existentialism that supports absolute freedom in work. The features of post-modernism inside the content of Indie books are anti-Islamic mainstream, leftist and modern? Meanwhile the characteristics of existentialism in Indie books is to evoke a sense of self-importance, indifference towards society and highlighting freedom. This study has implications on the authorities, teachers and parents who are concerned with reading material and children's morals. Therefore, such work should be monitored and avoided for the sake of mental and social well-being of the community.

Keywords: Indie Books, Writing Philosophy, Post-modernism, Existentialism, Undergraduates' thought???

Pengenalan

Indie adalah satu aliran budaya yang inginkan kebebasan daripada sebarang kongkongan autoriti dan arus perdana. Bacaan buku-buku Indie telah mendapat tempat di hati remaja termasuk golongan mahasiswa yang sentiasa inginkan kebebasan berfikir tanpa sebarang sekatan (Muhammad Atiullah at. el, 2018). Istilah 'indie' juga boleh difahami sebagai sebuah aliran budaya yang inginkan kebebasan daripada sebarang kongkongan autoriti serta *mainstream* (Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016). Dengan demikian, Buku Indie, menunjukkan aliran buku yang menuntut kebebasan diri, dan menjauhi aliran perdana, impak kongkongan sosial dan autoriti masyarakat.

Menurut slide Biro Tatanegara (BTN 2015), buku Indie di Malaysia bermula pada awal Millenium lagi. Bermula dengan kumpulan kecil yang bergerak dengan kemahuan diri tanpa dana dan bantuan dari sesiapa. Kumpulan kecil ini dikenali dengan gerakan Indie yang telah lama wujud dalam negara. Terutamanya sikap mengasingkan diri dan hanya berhubung dengan lingkungan mereka sendiri menjadikan pemula dan batu loncatan kepada penerbitan buku mereka sendiri. Pada awalnya, buku-buku terbitan sendiri ini merupakan bahan perkongsian sesama mereka sendiri. Secara tidak langsung menggalakkan kreativiti tersendiri yang menampakkan seni budaya Indie. Atas dasar minat pembacaan buku kreatif, mereka mendapat ramai sokongan dan galakan sehinggalah buku-buku Indie mendapat sokongan penerbitan. Malah, lingkungan ini diperkukuhkan dengan perkongsian sosial di media baru seperti portal, *Facebook*, *Whatsapp* dan lain-lain yang secara tidak langsung memberi impak pemasaran. Buku-buku Indie ini mendapat sambutan hangat sehingga diulang terbit beberapa kali. Begitu juga, buku-buku Indie ini dapat dipromosikan di dalam program-program Indie bersama budaya Indie yang lain. Kejayaan penerbitan dan pemasaran buku Indie ini menggalakkan lebih ramai penulis dan peminat buku Indie di seluruh Malaysia, dan dapat meraih sokongan anak muda dan mahasiswa.

Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah (2017) berpendapat gerakan Indie dipelopori anak-anak muda dan mendapat sokongan dari rakan sebaya mereka yang turut inginkan kebebasan. Kemunculan gerakan Indie ini lahir daripada sikap golongan muda yang mengekspresi kebebasan melalui muzik dan sastera. Oleh yang demikian, kemunculan buku Indie ini sangat bertepatan dengan kehendak anak muda dan disambut dengan girang. Namun, sikap kebebasan yang tanpa kawal selia daripada pihak berwajib dan autoriti merupakan malapetaka yang bakal menjemput unsur-unsur fahaman songsang dan sesat seperti Liberalisme dan Sosialisme. Fahaman-fahaman ini turut mengangkat perjuangan kebebasan yang turut kedapatan dalam buku-buku Indie. Fahaman-fahaman ini secara tidak langsung dipelajari oleh anak muda lantaran terpersona dengan budaya kebebasan yang menggiurkan.

Oleh itu, penulis merasakan perlu meninjau dan mengenal pasti pandangan anak-anak muda, khususnya pandangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi bagi menjawab persoalan berkenaan Buku Indie. Mereka merupakan generasi yang bakal menjadi pemimpin negara masa depan. Hasil dapatan kajian ini mendapati Buku Indie mengandungi dua falsafah pemikiran iaitu Pascamodenisme dan Eksistensialisme. Pandangan falsafah pemikiran ini secara tidak langsung mengajar pemikiran yang bebas tanpa batas agama dan budaya, dan menolak pemikiran arus perdana dan kongkongan autoriti. Seterusnya, memberi impak secara langsung terhadap pemikiran mahasiswa Institut Pengajian Tinggi yang merupakan golongan sasaran atau pembaca Buku Indie.

Metodologi

Metodologi kajian ini lebih merupakan tinjauan pandangan mahasiswa daripada catatan bertulis mereka. Oleh demikian, kaedah analisis dokumen digunakan. Menurut Given (2008), kaedah analisis dokumen adalah sebahagian dari kaedah penyelidikan kualitatif yang menumpukan analisis kandungan berbentuk catatan atau penulisan yang kedapatan dalam dokumen. Schwartz-Shea (2006) menyebut, kaedah analisis dokumen digunakan dengan tujuan memperolehi maklumat jelas terhadap sumber yang boleh dipercayai. Dengan demikian, kandungan yang ingin dicari akan memuatkan penjelasan mendalam mengenai sesuatu topik.

Kajian ini menggunakan catatan pelajar agar mahasiswa dapat mengekspresi pandangannya secara lebih mendalam. Penyelidik pernah menggunakan kaedah temu bual terhadap beberapa mahasiswa tetapi kedalaman pandangan tidak dapat terungkap melalui percakapan. Oleh demikian, penyelidik merasakan perlu para mahasiswa diberi masa yang mencukupi selama seminggu bagi mengolah pandangan mereka terhadap buku Indie.

Pelajar dipilih secara rawak yang merangkumi semua fakulti di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang turut melibatkan lelaki dan perempuan. Walaupun penyelidik mendapat banyak maklum balas dari mahasiswa UPSI, bukan semua bahan dikira layak untuk dilaporkan kerana penyelidik akan memastikan jawapan para mahasiswa dapat menunjukkan kefahaman dan kesedarannya terhadap kandungan buku Indie.

Kemudian, segala jawapan ini diatur dan disusun melalui kaedah analisis *Grounded Theory* (GT) yang dibangunkan oleh Glaser dan Strauss. Tujuannya bagi menyusun semula dapatan agar pandangan falsafah pemikiran dalam Buku Indie dapat dijelmakan dan diolah dengan baik. Kaedah GT ini bertepatan dengan kajian ini kerana kaedah ini digunakan agar dapat membentuk teori berdasarkan data yang diperolehi (Glasser & Strauss 1967). Malah, pola pemikiran dari catatan pelajar ini akan dapat membentuk teori yang diinginkan, sekaligus dapat memahami keseluruhan kajian (Corbin & Strauss 2015).

Falsafah Pemikiran Dalam Buku Indie

Kajian ini dapat menyimpulkan dua falsafah pemikiran dalam Buku Indie iaitu Pascamodenisme dan Eksistensialisme. Falsafah pemikiran ini adalah bersandarkan kepada dapatan kajian sebagaimana disenaraikan di bawah:

	FALSAFAH PEMIKIRAN	RUMUSAN KANDUNGAN DAPATAN KAJIAN
1	Pascamodenisme	<ul style="list-style-type: none"> • Haluan kiri atau melawan arus perdana dan agresif. • Berunsur negatif, lucu dan meruntuhkan agama. • Bercirikan kekinian • Memberi pengetahuan baru, menarik dan pelbagai informasi • Penyampaian pelbagai bentuk. • Tidak terlalu akademik dan tidak terlalu ilmiah
2	Eksistensialisme	<ul style="list-style-type: none"> • Mengajar rasa berkepentingan terhadap diri sendiri. • Membuat penilaian sendiri. • Kepentingan terhadap diri, hiburan dan keseronokan. • Kebebasan mengkritik dan kebebasan dengan penghasilan karya. • Tidak mengambil peduli terhadap masyarakat dan cenderung memecah belahkan masyarakat. • Bercanggah dengan norma kebiasaan dan membangkitkan isu sensitif.

Rajah 1: Falsafah Pemikiran dan Rumusan Kandungan Dapatan Kajian

Pascamodenisme

Buku Indie ditakrifkan sebagai karya yang menolak kongkongan autoriti serta *mainstream* sebagaimana disebut oleh Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah 2016. Takrifan sebegini sangat signifikan dengan budaya aliran pemikiran Pascamodenisme. Kesamaan Buku Indie dan Pascamodenisme adalah dari aspek penulisan sastera yang bersifat berhaluan kiri dan melawan arus perdana. Kedua-duanya berpaksikan kepada kritikan terhadap pemikiran lama dan menginginkan pemikiran baru dan terkini.

Berdasarkan sejarah kemunculan Pascamodenisme, ia sememangnya gerakan yang bermula sejak zaman 1950-an bagi mengkritik cara yang lama terutamanya dalam bidang sastera (Ingram 2006, Ree 2005). Menurut Denzin (2005), Pascamodenisme boleh didefinisikan pemahaman semula dan refleksi terhadap segala makna dan kefahaman manusia lama, mempersoalkan rasional dan amalan budaya, mereka semula segala logik rasional dengan logik budaya bagi menilai semua nilai dan amalan sedia ada, dan memurnikan segala aktiviti dan program negara agar dapat mengubah tumpuan tempatan kepada tumpuan peringkat antarabangsa.

Definisi Denzin ini menumpukan proses Pascamodenisme yang bermula dari pemahaman, kemudian membahas secara logik dan mencadangkan kepada peringkat antarabangsa. Namun, ia tidak tampak menjelaskan teori kebudayaan dan pemikiran Pascamodenisme. Berbanding pandangan Schwartz (2008) yang tampak lebih jelas dan mendalam. Bagi beliau, Pascamodenisme menggunakan teori kritikan terhadap pemikiran lama dengan menolak prinsip-prinsip atau teori-teori terdahulu yang telah dianggap sebagai kebenaran mutlak, dan membina semula pemikiran baru dan terkini. Maksud Schwartz, Pascamodenisme merupakan antimodenisme atas dasar Modenisme beranggapan teori-teori bermula zaman *Renaissance* sebagai benar dan tidak boleh disangkal. Oleh itu, Modenisme dianggap telah gagal kerana menggunakan pakai teori sosial yang terdahulu, sedangkan teori sosial sangat subjektif dan dianggap lapuk. Atas rasional inilah, Pascamodenisme menumpukan kekinian dan merombak pemikiran lama.

Berdasarkan makna ini, Pascamodenisme bertujuan menunjukkan sifat berhaluan kiri atau melawan arus perdana. Oleh itu, buku Indie boleh disebut sebagai buku Pascamodenisme kerana

sasarannya menolak pegangan lama secara kritis dan radikal, melawan arus perdana, menunjukkan kekirian, merombak pegangan lama, bercanggah tradisi dan membina semula kehidupan pegangan baru. Begitu juga para penulis Indie berpegang pandangan Pascamodenisme dengan tidak terikat dengan batasan sosial dan kebiasaan adat setempat dengan alasan pembinaan semula aliran pemikiran baru yang bebas tanpa batasan.

Berhaluan Kiri atau Melawan Arus Perdana

Dapatan kajian melalui catatan pelajar menunjukkan mahasiswa berpendapat bahawa Buku Indie merupakan buku yang berhaluan kiri dan melawan arus perdana. Peserta kajian menyatakan bahawa Buku Indie ini adalah buku-buku yang diterbitkan yang tidak mengikuti piawaian penerbitan buku arus perdana. Menurut peserta kajian:

Mengikut pemahaman saya gaya penulisan buku ini lebih menjurus kepada pemberontakan dan bersifat agresif.

[upsi/catatanmahasiswa/CI20.2017]

Buku Indie ini mempunyai pasaran mereka sendiri dan ianya mempunyai peminat mereka, iaitu golongan pembaca yang melawan arus perdana.

[upsi/catatanmahasiswa/CI22.2017]

Sesetengah Buku Indie mempunyai filsafat anarki ataupun bersifat pembangkang. Saya juga berpendapat bahawa Buku Indie boleh dikategorikan dalam cara yang sama dengan istilah 'gerila' yang bermaksud membuat serangan secara terang-terangan (berterus-terang).

[upsi/catatanmahasiswa/CT16.2017]

a. Berunsur Negatif

Para mahasiswa beranggapan bahawa Buku Indie didapati melawan arus kerana kandungan Buku Indie berunsurkan negatif yang tidak mampu untuk memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan dalam negara. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana terdapat kandungan Buku Indie yang berceritakan tentang perkara yang negatif seperti berunsurkan lucah dan seks. Hal ini akan mempengaruhi jiwa remaja yang membaca buku ini.

[upsi/catatanmahasiswa/CI30.:2017]

Buku Indie secara umumnya tidak dapat memupuk sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara kerana merupakan media cetak yang diharamkan oleh kerajaan Malaysia disebabkan oleh ideologi penulisan yang agak relatif dan kasar.

[upsi/catatanpelajar/CT3:2017]

Kita memperlihatkan Buku Indie memupuk penindasan, keganasan, pemikiran yang bebas dan sebagainya menyebabkan sikap memelihara keamanan dan kesejahteraan negara tidak boleh dipupuk. Malah membangkitkan sikap tidak puas hati terhadap sesiapa sahaja ataupun golongan tertentu dengan penulisan bebas dalam Buku Indie tersebut.

[upsi/catatanmahasiswa/CT29:2017]

b. Berunsur Lucah

Begitu juga Buku Indie melawan arus kerana didapati berunsur lucah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pembaca berasa tidak berpuas hati dengan buku ini adalah disebabkan Buku Indie mempunyai unsur lucah dan negatif. Peserta kajian menyatakan bahawa unsur-unsur ini boleh merosakkan minda dan pemikiran anak muda pada hari ini. Menurut peserta kajian:

Sesetengah pihak kurang berpuas hati apabila terdapat penerbitan Buku Indie yang berunsur lucah dan berlawanan dengan agama kerana dikhuatiri boleh merosakkan akidah pembaca terutama kanak-kanak dan awal remaja.

[upsi/catatanmahasiswa/ CI16:..2017]

Namun bagi pembaca yang tidak berpuas hati dengan Buku Indie, pastinya ia kerana golongan ini merasakan buku ini memberi pendedahan negatif kepada mereka kerana terdapat sesetengah buku yang mengandungi unsur lucah dan perkataan kasar seks, mencarut dan pelanggaran tatabahasa Melayu.

[upsi/catatanmahasiswa/ CT32:..2017]

c. Meruntuhkan Agama

Buku Indie juga didapati bertentangan dengan agama dan merosakkan kepercayaan agama yang menjadi pegangan hidup seseorang individu. Menurut peserta kajian:

Sesetengah pihak kurang berpuas hati apabila terdapat penerbitan Buku Indie yang berunsur lucah dan berlawanan dengan agama kerana dikhuatiri boleh merosakkan akidah pembaca terutama kanak-kanak dan awal remaja.

[upsi/catatanpelajar/ CI16:..2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mempertingkatkan mutu hidup seseorang ini kerana, sesetengah Buku Indie telah melampau batas apabila menyentuh hal sensitiviti agama terutama terhadap agama Islam.

[upsi/catatanmahasiswa/CT23:..2017]

Melalui penulisan Buku Indie, ada dalam kalangan penulis menyentuh berkenaan agama dan dianggap telah mempersendakan agama.

[upsi/catatanmahasiswa/CI14:..2017]

Bercirikan Kekinian

Antara ciri utama Pascamodenisme adalah kekinian. Ciri ini merupakan ciri positif yang ada dalam Buku Indie yang mendapat pujian dari kalangan mahasiswa. Ciri kekinian ini didapati dari sudut memberi pengetahuan baru dan penyampaian dalam pelbagai bentuk. Namun, terdapat mahasiswa yang tidak berpuas hati dengan Buku Indie kerana didapati Buku Indie tiada nilai akademik.

a. Memberi pengetahuan baru

Kebanyakan Buku Indie di pasaran didapati menyediakan dan menyelitkan idea-idea baru kepada pembaca. Hal ini secara tidak langsungnya dapat memberi kepuasan kepada pembaca yang inginkan idea-idea baru. Menurut pandangan peserta kajian:

Ada dalam kalangan pembaca berpuas hati dengan pembacaan Buku Indie kerana Buku Indie yang terbitkan telah membuka mata mereka terhadap beberapa isu yang baru dan tidak dibincangkan dengan mendalam secara ilmiah.

[upsi/catatanmahasiswa/CT14:..2017]

Saya selaku seorang pembaca Buku Indie ini saya berpuas hati jika buku tersebut mempunyai gaya bahasa dan penyampaian maklumat yang bagus. Kita dapat menilai sebenarnya buku yang ditulis semata-mata untuk publisiti dan buku yang ditulis untuk memperjuangkan hak-hak rakyat, yang menyelitkan nilai-nilai kemanusiaan, buku berbentuk falsafah.

[upsi/catatanmahasiswa/CI22:..2017]

Buku Indie sememangnya akan menarik minat pembacanya dan akan membuat mereka berasa puas hati terhadap penulisan yang diberikan. Hal ini kerana, pembaca dapat merasai sesuatu pengetahuan yang baru serta dapat merasai pengalaman apa yang dilalui oleh kehidupan seorang jika Buku Indie yang dipilih adalah non fiksiyen.

[upsi/catatanmahasiswa/CT27:..2017]

b. Penyampaian idea dalam pelbagai bentuk

Peserta kajian juga mencatatkan bahawa Buku Indie merupakan buku yang mempunyai pelbagai bentuk dan genre. Oleh demikian, penyampaian idea juga dalam pelbagai bentuk yang secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi pembaca. Berikut adalah catatan pelajar:

Pada pendapat saya ya. Kerana motivasi membaca dapat dipupuk jika buku itu menepati selera dan jiwa pembaca. Buku Indie merangkumi pelbagai genre yang mampu menepati mana-mana selera pembaca.

[upsi/catatanmahasiswa /CI9:..2017]

Ya, Buku Indie dapat mempertingkatkan motivasi membaca kerana rekaan kulit muka Buku Indie yang menarik boleh menyebabkan pembaca tertarik untuk membeli Buku Indie.

[upsi/catatanpelajar/CI34:..2017]

Pada pandangan saya, melalui Buku Indie, banyak maklumat-maklumat penting yang boleh diambil dan dijadikan sebagai panduan kepada pembaca di samping dapat meningkatkan motivasi intrinsik terhadap pembaca untuk membaca Buku Indie. Selain itu, keadaan ini juga dapat mewujudkan sikap harmoni sesama kaum iaitu, dapat membantu penerbit buku-buku Indie dalam mempromosikan kewujudan Buku Indie di pasaran.

[upsi/catatanpelajar/ CT5:..2017]

c. Tiada nilai akademik

Walaupun terdapat mahasiswa yang berpuas hati terhadap Buku Indie, kedapatan juga mahasiswa tidak berpuas hati kerana Buku Indie tiada nilai akademik dan tidak mampu untuk memberi pengetahuan kepada pembacanya. Menurut peserta kajian:

Mereka yang tidak berpuas hati dengan Buku Indie ini menyatakan bahawa buku ini tidak bersifat akademik dan gaya penulisannya yang jauh berbeza berbanding gaya penulisan yang bagus.

[upsi/catatanmahasiswa/CT14:..2017]

Pada pandangan saya tidak semua yang membaca Buku Indie akan rasa berpuas hati terhadap kemunculan Buku Indie. Hal ini kerana, buku ini terlalu bebas untuk meluahkan apa yang difikirkan oleh penulis dengan mengambil kira aspek sejarah dan falsafah yang menjadi tunjang pemikiran mereka dengan tidak menyetepikan aspek realiti.

[upsi/catatanmahasiswa/CT26:..2017]

Eksistensialisme

Buku Indie juga membawa falsafah pemikiran Eksistensialisme atas dasar mengekspresi kewujudan diri dalam bentuk penulisan kreatif. Penumpuan terhadap ekspresi sendiri dan kreatif ini merupakan unsur positif. Namun penumpuan diri secara berlebihan memberi impak negatif sehingga tidak mengambil peduli hal masyarakat atas alasan kebebasan dan kreativiti dalam penulisan.

Eksistensialisme menggunakan perkataan *exist* (wujud) sebagai asas falsafahnya. Ia berasal Latin iaitu *exist* (*existency*) ‘ex’ bererti keluar dan ‘sistere’ bererti berdiri. Oleh itu eksistensi adalah berdiri dan keluar dari diri sendiri. Menurut etimologi pula ‘eks’ bererti (ke) luar. Oleh itu maksudnya cara manusia berada di dunia ini (Zakaria, 2004). Menurut Sartre (2018) dalam bukunya “*Being and Nothingness*”, kewujudan (*existence*) manusia adalah mendahului zatnya (*essence*). Manusia terjadi dengan sendiri dan tiada Pencipta-Nya. Kewujudan manusia adalah mendahului zatnya dan manusia terjadi dengan sendirinya dan tiada pencipta.

Bahkan, Eksistensialisme merupakan ideologi yang berpegang “kewujudan bermula dahulu sebelum inti patinya”. Tujuannya menonjolkan diri dengan bersikap individualistik bagi mengesahkan kewujudan dan keinginan diri. Analisisnya merupakan analisis individualistik dengan tidak mengambil peduli sistem yang telah lama wujud. Impak negatifnya terserlah dengan menolak pegangan lama dan aturan masyarakat (Tonder 2008).

Justeru, buku Indie merupakan karya yang terhasil dari ekspresi diri yang terlalu obses terhadap kewujudan diri. Oleh demikian, para penulis buku Indie menonjolkan hobi dan minat penulis tanpa mempedulikan persekitaran dan masyarakat setempat. Idea penulis buku Indie juga menggunakan laras Bahasa yang memberontak terhadap masyarakat dan autoriti dan bersedia menerima ideologi dan pemikiran Barat.

Buku Indie Mengajar Rasa Berkepentingan terhadap Diri Sendiri

Didapati sesetengah Buku Indie ini hanya mengajar kepada kepentingan diri sendiri sahaja. tidak melibatkan orang lain. Berdasarkan catatan peserta kajian:

Buku Indie tidak mengajar untuk merasa kepentingan orang lain sebaliknya lebih mengajar kepada kepentingan diri. Para penulis bebas dalam menulis secara bebas tentang apa yang mereka rasakan terhadap keadaan masyarakat masa kini tanpa memikirkan implikasi hasil daripada penulisan mereka.

[upsi/catatanmahasiswa/CT7:..2017]

Sememangnya Buku Indie mengajar untuk rasa berkepentingan terhadap diri sendiri. Ini adalah kerana ia banyak menekankan aspek individu dalam isi kandungannya. Sifat kebebasan yang sentiasa ditonjolkan dalam hampir semua jenis Buku Indie membuktikan bahawa seseorang itu mempunyai haknya yang tersendiri dalam melakukan sesuatu perkara dan tidak ada yang boleh menghalangnya untuk berbuat sedemikian.

[upsi/catatanmahasiswa/CT14:.2017]

Buku Indie mengajar untuk rasa berkepentingan terhadap diri tetapi tidak orang lain. Hal ini kerana penulisan Buku Indie yang bersifat bebas dan hanya mengutamakan perasaan dan idea diri sendiri tanpa memikirkan sensitiviti orang lain.

[upsi/catatanmahasiswa/CT19:.2017]

Buku Indie Tidak Mengambil Peduli Hal Masyarakat

Begitu juga kedapatan Buku Indie tidak memelihara hidup bermasyarakat. Antara faktor utama menyumbang hal demikian adalah sesetengah Buku Indie didapati memecah belah masyarakat, bercanggah dengan norma dan membangkitkan isu sensitif.

a. Memecahkan masyarakat

Antara faktor utama Buku Indie dianggap tidak mengambil peduli hal masyarakat adalah kerana Buku Indie mempunyai unsur memecah-belahkan masyarakat. Menurut peserta kajian:

Pada pandangan saya, Buku Indie ini sebenarnya tidak mengajar kita memelihara hidup bermasyarakat. Daripada pandangan mata kasar saya, buku ini yang membuatkan masyarakat bergaduh di laman-laman sosial dan pergaduhan ini melibatkan dua golongan yang mempunyai pandangan yang berbeza. Hal ini berlaku kerana tidak semua bersetuju dengan setiap isi-isi kandungan yang terdapat dalam buku- Buku Indie tersebut.

[upsi/catatanmahasiswa/ CI2:.2017]

Tidak, kerana buku ini lebih kepada menyebabkan perpecahan kaum kerana ia banyak mengkritik sesuatu perkara.

[upsi/catatanmahasiswa/ CI13:.2017]

Akan tetapi banyak dalam penulisan Buku Indie ini berbaur provokasi,

[upsi/catatanpelajar/ CI22:.2017]

b. Bercanggah dengan norma

Begitu juga, sesetengah karya Indie adalah bercanggah dan bertentangan dengan norma masyarakat. Hal ini boleh meruntuhkan sesuatu nilai masyarakat. Menurut peserta kajian:

Kebanyakan Buku Indie tidak mengajar untuk memelihara hidup masyarakat. Cara penyampaian Buku Indie lebih kepada pemikiran yang terbuka. Selain itu, Buku Indie juga banyak menggunakan perkataan lucu bagi menarik minat pembaca. Jelaslah bahawa, penggunaan perkataan yang tidak baik di dalam sesebuah buku untuk pembacaan boleh merosakkan gaya hidup bermasyarakat orang Malaysia.

[upsi/catatanmahasiswa /CI25:.2017]

Pada pendapat saya, Buku Indie tidak dapat mengajar memelihara hidup masyarakat. Saya berpendapat sebegini kerana Buku Indie lebih banyak bercerita mengenai perihal individu seperti contoh perasaan seseorang terhadap sesuatu atau seseorang. Buku Indie kurang menekankan nilai-nilai hidup bermasyarakat yang dapat dicontohi oleh semua pembaca.

[upsi/catatanmahasiswa/CT13:.2017]

Buku Indie lebih kepada pemberontakan, kritikan dan bertentangan dengan kebiasaan/budaya masyarakat.

[upsi/catatanmahasiswa/CT22:.2017]

c. Membangkitkan Isu Sensitif

Buku Indie juga sering kali membangkitkan isu sensitif dalam penulisan mereka. Terdapat Buku Indie yang membangkitkan isu-isu perkauman yang boleh menjejaskan hidup bermasyarakat. Dengan demikian, penulisan sebegini tidak akan dapat memelihara hidup bermasyarakat. Menurut peserta kajian:

Pada pendapat saya, buku ini tidak sepenuhnya memelihara hidup bermasyarakat. Hal ini demikian kerana terdapat isu-isu sensitif yang dibangkitkan oleh penulis Buku Indie pada karya masing-masing.

[upsi/catatanmahasiswa/CI15:.2017]

Kebanyakan Buku Indie sebenarnya tidak mengajar memelihara hidup bermasyarakat kerana cara penulisannya yang tidak menjaga kata-kata, menyinggung perasaan orang lain dan tidak mampu mengawal diri sendiri.

[upsi/catatanmahasiswa/CI21:.2017]

Pada pandangan saya terdapat buku-buku Indie yang mengetengahkan isu-isu politik dan agama yang mana terselit isu-isu yang sensitif.

[upsi/catatanmahasiswa/CI32:.2017]

Buku Indie Merupakan Satu Bentuk Kebebasan

Melalui catatan mahasiswa UPSI, pengkaji telah mengenal pasti mahasiswa beranggapan bahawa Buku Indie ini adalah sebuah penerbitan yang berbentuk kebebasan. Kebebasan tersebut merangkumi kebebasan dalam penulisan dan juga penerbitan. Hal ini bermaksud penulis bebas dalam menulis karya masing-masing dan menerbitkannya dengan dana sendiri. Menurut peserta kajian:

Buku Indie juga boleh difahami sebagai sebuah aliran atau budaya yang menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan.

[upsi/catatanpelajar/ CI18.2017]

Buku Indie merupakan buku yang membawa satu aliran daripada pemikiran yang bebas dan kebanyakannya juga kandungannya berlawanan dengan buku-buku pendidikan yang telah diajarkan kepada seseorang dari bangku sekolah. Buku Indie juga tidak selari dengan pegangan dan norma yang dipegang oleh Dewan Bahasa

dan Pustaka kerana buku ini juga ada menggunakan kata-kata slanga dan terdapat juga unsur tabu.

[upsi/catatanpelajar/CT1.2017]

Buku Indie pula merupakan sebuah bahan pembacaan yang mengandungi idealis tersendiri, kebebasan bersuara (freedom of speech), membantah dan mengkritik secara berasas, subjek dan gaya penulisan yang menolak bentuk struktur konvensional.

[upsi/catatanpelajar/CT16.2017]

Perbincangan

Dapatan catatan mahasiswa di atas menunjukkan bahawa segala peringatan dari pihak BTN (2015) dan JAIS yang ditulis oleh Muhammad Rashidi & Siti Nur Hidayah (2016) mempunyai asasnya. Begitu juga dakwaan Faisal et.al (2018) mengenai penerbitan karya Indie boleh dianggap sebagai penerbitan alternatif, iaitu penerbitan media yang bebas, tidak terikat dengan mana-mana penerbitan perdana. Sifatnya sebagai alternatif memberi ruang kepada perubahan sosial, melibatkan masa untuk turut bersama dan komited melakukan inovasi terhadap bentuk dan kandungan penerbitan bahan-bahan media mereka.

Begitu juga, pemikiran Pascamodenisme dan Eksistensialisme memberi impak terhadap gaya penulisan alternatif. Sebagaimana Nurain Khoo Kian Hua & Sim Chee Cheang (2019) memberi ulasan berkaitan dengan gaya penulisan buku Indie dalam artikel bertajuk “Satu Penelitian Strukturalis Terhadap Sastera Indie Terpilih”, bahawa sastera Indie merupakan karya yang ditulis oleh pengarang baharu dan masih muda dalam penerbitan, mereka menjadikan ruang penulisan sebagai alternatif untuk menyiarkan karya mereka yang santai dan tidak terikat dengan mana-mana peraturan dalam undang-undang penerbitan kerana proses penerbitan sastera Indie tidak dikawal ketat oleh mana-mana pihak.

Namun, pemikiran Pascamodenisme dan Eksistensialisme tidak terhenti impaknya terhadap individu, tetapi turut melibatkan masyarakat. Sikap penting diri sendiri dan tidak mengambil peduli terhadap masyarakat menjadikan anak muda membentuk sikap meminggirkan diri dan membentuk kumpulan kecil tersendiri. Hal ini pernah diperingatkan oleh Datuk Irmohizam Ibrahim, dalam satu artikel yang disiarkan melalui laman sesawang Utusan Melayu (M) Bhd (2013), yang ketika itu menjadi presiden Majlis Belia Selangor, golongan Indie adalah golongan anak muda yang mempunyai komuniti tersendiri dan mereka berjaya melakukan berbagai aktiviti tanpa kongkongan. Menurut Datuk Irmohizam lagi, anak-anak muda Indie kerana berasa rima dengan persatuan dan politik arus perdana, mereka telah membentuk dunia mereka sendiri, mereka mahu membangunkan sistem baharu tanpa bergantung pada nilai-nilai arus perdana yang pada mereka bersifat rigid dan bergaya lama.

Di samping impak negatif terhadap mahasiswa, terdapat juga kesan positif. Antara kesan positif yang paling ketara adalah buku-buku Indie juga menyumbang dalam industri buku tanah air, iaitu ramai anak muda yang sudah hilang minat membaca, akan kembali membaca. Tidak hairanlah, Buku Indie telah terjual dan mendapat permintaan tinggi. Kewujudan Buku Indie adalah fenomena yang terhasil daripada golongan muda terutamanya mahasiswa yang menuntut kebebasan mutlak dalam penulisan yang teransang dengan pemikiran Pascamodenisme dan Eksistensialisme.

Penutup

Hasil dapatan kajian menunjukkan kedapatan sokongan dari mahasiswa UPSI atas faktor pendedahan pengetahuan dan maklumat yang terkini dan disajikan pelbagai bentuk. Namun, kandungan yang diselitkan dengan pelbagai pemikiran songsang yang melanggar tuntutan agama dan kehidupan bermasyarakat boleh mengakibatkan kebejatan moral dan akhlak dalam kalangan mahasiswa. Mahasiswa yang terpedaya dengan falsafah Pascamodenisme dan Eksistensialisme akan menuntut hak kebebasan tanpa mengikut adab, peraturan dan akhlak. Akibatnya, mahasiswa akan berani menentang tatasusila dan menjadi masyarakat yang kurang ajar.

Oleh demikian, sepatutnya Buku Indie perlu dikawal selia dengan diadakan permit sebagaimana sebaran am seperti surat khabar yang perlu mendapatkan permit bagi membolehkan Buku Indie dijual di permis-permis awam. Para penulis Buku Indie juga seharusnya mendapat tauliah sebagaimana para penceramah di masjid perlu mendapatkan tauliah. Begitu juga, Buku Indie perlu ditapis oleh pihak berkuasa sebagaimana filem dan drama perlu mendapat tapisan dari Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Kajian ini mempunyai implikasi yang perlu diambil perhatian oleh golongan berwajib. Ibu bapa hendaklah lebih berhati-hati memilih buku bacaan untuk anak-anak muda. Para guru terutamanya guru bidang sastera di peringkat sekolah perlu memantau bahan bacaan para pelajar dari peringkat awal. Perpustakaan awam dan perpustakaan sekolah tidak seharusnya menyimpan Buku Indie di rak-rak yang boleh dicapai oleh masyarakat awam.

Rujukan

- Babbie E. (1994). *The Practice of Social Research*. Chicago: Thomson Publishing.
- Biro Tatanegara (BTN). (2015). *Gerakan Indie di Malaysia*. Diambil: https://archive.org/details/GerakanIndieDi_Malaysia [2 Ogos 2016].
- Borchert D. M. (2006). Existensialism. Dlm. *Encyclopedia of Philosophy*. New York: Macmillan Reference USA.
- Byrne P. & Houlden L. (2003). Existensialism. Dlm. *Companion Encyclopedia of Theology*. London: Routledge.
- Corbin J. & Strauss A. (1990). Grounded Theory Research: Procedures, Canons, and Evaluative Criteria. Dlm. *Qualitative Sociology* 13(1): 3-21. <https://link.springer.com/article/10.1007%2FBF00988593> [27 August 2018].
- Denzin N.K. (2005). Postmodernism. Dlm. *Encyclopedia of Social Social Theory*. London: Sage Publication.
- Given L.M. 2008. *The SAGE Encyclopedia of Qualitative Research Methods*. London: SAGE Publications.
- Glasser B.G. & Strauss A.L. 1967. *The Discovery of Grounded Theory*. Chicago: Aldine.
- Ingram D. (2006). Postmodernism. Dlm. *Encyclopedia of Philosophy*. New York: Macmillan Reference USA.
- Kerlinger F.N. (1986). *Foundations of Behavioral Research*. London: Holt, Rinehart and Winston Publishing.
- MalaysiaKini. (2015). *BTN Diberi Tempoh 14 Hari Mohon Maaf*. Diambil: <https://www.malaysiakini.com/news/302496> [2 Ogos 2016].
- Merriam S.B., Tidel E.J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons.
- Muhammad Atiullah Bin Othman, Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman, Zuraini bt Jamil @ Osman. (2016). *Peranan Islamic Renaissance Front (IRF) Bagi Mengetengahkan Idea Islam Liberal*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Atiullah Othman, Nadarajan Thambu & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2018). *Elemen dalam Buku Indie: Satu kajian Grounded Theory dalam Kalangan Mahasiswa UPSI*. *International Journal of Islamic Thought* 14(Dec): 38–51.

- Muhamad Faisal Ashaari, Lily Yaakob, Rosmawati Mohamad Rasit. 2018. *Idea Pemikiran Pluralisme Agama Dalam Penulisan Buku Indie 'Aku..., Maka Aku Ada' Dan 'Anthithesis'*. *Islamiyyat* 42(2) 2020:49. Diambil: <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-4202-05> [15 September 2021].
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. (2016). Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia. Diambil: http://www.jais.gov.my/sites/default/files/artikel_asas/rnd/Fenomena%20Buku%20Indie.pdf [28 Julai 2016].
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. (2017). Fenomena buku Indie di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam Jakim*, 20: 61-84.
- Ree J. (2005). Postmodernism. Dlm. *The Concise Encyclopedia of Western Philosophy*. London: Routledge.
- Sartre, J.P. (2018). *Being and Nothingness*. London: Routledge.
- Schwartz J.M. (2008). Postmodernism. Dlm. *International Encyclopedia of Social Science*. New York: Macmillan Reference USA.
- Schwartz-Shea P.S. (2006). Judging Quality: Evaluative Criteria and Epistemic Communities. Dlm. *Interpretation and Method: Empirical Research Methods and the Interpretive Turn*. New York: M.E. Sharpe.
- Tonder, L. (2008). Existentialism. Dlm. *International Encyclopedia of Social Science*. New York: Macmillan Reference USA.
- Utusan Online. (2013). *Mentransformasi Gerakan Belia*. Diambil: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130125/re_02/Mentransformasikan-gerakan-belia#ixzz2Jc6UXI71 [3 Ogos 2016].
- Zakaria Idris. (2004). "Falsafah Eksistensialisme Dan Status Agama" dlm. *Islamiyyat*, 1(25). Diambil: <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/2027>. [25 Disember 2019].
- Zarina Zainol & Zaiton Endot. (2006). *Sandaran Kajian Umum Mengenai Pembacaan Santai di Kalangan Pelajar*. National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur. Diambil: